



DR. Mahathir Mohamad diiringi Abdul Ghani Othman (kanan sekali) meninjau perkembangan pembangunan projek Gerbang Selatan Bersepadu di Johor Bahru semalam. Turut hadir Yahya A. Jalil (dua dari kanan) dan Ir. Ng Ah Kow (kiri depan).

UM - 16/4/2006

Dr. M sedih jambatan tidak jadi

JOHOR BAHRU 15 April - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyuarakan rasa sedih dan kecewa dengan pembatalan pembinaan jambatan menggantikan Tambak Johor kerana beliau telah terlibat dengan projek tersebut sejak dari awal lagi.

Beliau yang mencetuskan idea pembinaan jambatan itu pada tahun 1996 bagaimanapun berkata, keputusan (pembatalan) itu dibuat atas kehendak rakyat.

"Kita sendiri buat keputusan untuk akur dengan alasan rakyat tidak bersetuju memberi pasir dan ruang udara untuk laluan pesawat mereka, walaupun itu tidak bermakna kita tidak bersetuju dengan pembinaan jambatan bengkok," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke tapak projek Gerbang Selatan Bersepadu

(GPSB) dan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) di sini hari ini.

Turut serta Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, Pengarah Urusan GPSB, Datuk Yahya A. Jalil dan Pengarah Pembinaan, Projek Gerbang Selatan Bersepadu, Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia, Ir. Ng Ah Kow.

Menyentuh mengenai sikap Singapura dalam hal ini, beliau mendedahkan Singapura pernah mengugut untuk menarik diri daripada sebuah pertubuhan yang dianggotai oleh negara Asia Tenggara hanya kerana AS\$10,000 (RM38,000).

Beliau yang pada masa itu menjadi Menteri Pelajaran berkata, Singapura sebagai sebuah negara yang kaya sanggup berbuat demikian selepas diminta menambah sedikit sumbangan untuk Pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran Asia Tenggara

(SEAMEO).

Peristiwa itu, jelas beliau, berlaku pada satu persidangan SEAMEO yang diadakan di Bagio, Filipina suatu ketika dahulu.

"Pada masa itu Menteri Pelajaran Indonesia, Pak Sharif menjadi pengerusi mesyuarat terpaksa memujuk Singapura supaya jangan keluar (dari SEAMEO).

"Itulah Singapura, kerana AS\$10,000 kalau tidak ada kepentingan bagi diri dia, mereka menolaknya sedangkan ia sebuah negara yang kaya," cerita Dr. Mahathir yang pernah menjadi Menteri Pelajaran.

Menurut Dr. Mahathir, ini menunjukkan sikap sebenar Singapura sejak dahulu yang lebih mementingkan diri sendiri termasuk hal-hal melibatkan bekalan air, Pulau Batu Putih dan juga jambatan menggantikan Tambak Johor tersebut.